

Newspaper	Sinar Harian
Date	14/10/2012

Dr M kini positif banding era Pak Lah: Merdeka Center

Sinar Harian 14/10/12

SHAH ALAM – Pandangan yang disuarakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sejak beberapa tahun lalu, dilihat berubah nada terhadap pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak jika dibandingkan ketika era pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Kedua-dua Abdullah dan Najib pernah berada dalam Kabinet era Dr Mahathir.

Pengarah Eksekutif Merdeka Center, Ibrahim Suffian berkata, respons positif Mahathir terhadap kepemimpinan Najib itu memungkinkan, paling tidak pun, sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) tidak berubah.

“Pengaruh Dr Mahathir itu masih ada khususnya kepada penyokong dan ahli Umno.”

“Kalau kita lihat 2008, komen dan sentimen yang beliau bawakan memberi kesan negatif pada Pilihan Raya Umum 2008,” katanya.

Dr Mahathir antara lain pernah dipetik berkata, sebelum ini, kerana tidak menggemari corak pemerintahan Abdullah, Umno mula kehilangan ahli mereka.

Ibrahim berkata, Dr



ABDULLAH

Mahathir selaku bekas Presiden Umno dan bekas Pengerusi BN, mengamalkan politik “menegur” terhadap kepemimpinan Najib.

“Mahathir punya satu pandangan bagaimana sesuatu dasar harus dilaksanakan. Beliau melihat kerajaan sekarang berbeza dengan cara bagaimana beliau mengendalikan kerajaan dulu,” katanya.

“Beliau pernah sebut Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai politik wang. Itulah bagaimana kita melihat beliau berbeza pandangan dengan kerajaan kini,” katanya.

Sementara itu, Ibrahim turut mengulas kesan kemunculan kembali Mahathir ini ke atas generasi muda.

Katanya, golongan muda mempunyai persepsi yang po-

sitif terhadap Dr Mahathir sebagai negarawan ulung.

Bagaimanapun, ia tidak menggambarkan pandangan secara keseluruhan mereka terhadap pemimpin tersebut.

“Mereka menghargai peranan dan sumbangan beliau sebagai bekas Perdana Menteri, tetapi golongan muda ini, ada yang mereka tidak setuju tentang dasar-dasar kerajaan.

“Golongan muda sekarang lebih analitikal. Mereka tidak tolak kepemimpinan Mahathir, tetapi mereka juga turut didedahkan dengan berita rasuah di media baru,” katanya.

Ibrahim juga berpendapat, dakwaan bahawa Dr Mahathir ingin kembali memerintah sebagai tidak logik.

“Pandangan beliau sedikit sebanyak memang beri kesan (keputusan PRU). Tetapi orang tak akan lihat, beliau mahu mentadbir semula cuma lebih bersifat menegur,” katanya.

Bermula 2008 sehingga 2012, Dr Mahathir berikan pelbagai komen positif dan negatif terhadap pentadbiran Najib, bahkan beliau memuji sikap terbuka Najib memberi ruang kepadanya meluahkan pendapat yang disekat ketika zaman Abdullah dahulu.